

MAHATHIR - ISLAM R R R R R

1984

IPOH, 24 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN TENTANG ADANYA USAHA KUMPULAN TERTENTU UNTUK MENGHAPUSKAN KEBUDAYAAN MELAYU KERANA KONONNYA BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB ANGGOTA UMNO MENENTANG DAKYAH SEUMPAMA ITU KERANA KEBUDAYAAN ITU MENCERMINKAN IDENTITI DAN BANGSA SESEORANG.

+KITA (UMNO) BERPEGANG KEPADA BANGSA MELAYU DAN KEBUDAYAAN MELAYU KERANA KITA BANGSA MELAYU, ADA IDENTITI DAN RUPA BENTUK

MELAYU. OLEH ITU KITA TIDAK HARUS MERASA MALU MENJAOI MELAYU, + TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP DI JAMUAN MAKAN TENCAH HARI ANJURAN UMNO BAHAGIAN KINTA DI MAJLIS PERBANDARAN DISINI.

BELIAU MEMPERTAHKAN PERJUANGAN UMNO MENEGAKKAN NASIONALISME MEMANDANGKAN ISLAM SENDIRI MENGGALAKKAN SEMANGAT DEMIKIAN SEPERTI DI JELASKAN DALAM AL-QURAN.

+KITA ADALAH MELAYU DAN KITA TIDAK HARUS RASA MALU DENGAN KEMELAYUAN KITA. BANGSA BERMAKNA KEBUDAYAAN, DAN JIKA LUPUT KEBUDAYAAN, LUPUTLAH BANGSA, + TAMBAHNYA Sambil Menolak DAKWAAN SEBUAH PARTI PEMBANGKANG KONONNYA SIFAT NASIONALISME YANG TERDAPAT DALAM PERLEMBAGAAN UMNO ADALAH ASSABIYAH.

-- LAGI.

2134MST 24 12 84

D118

u 6783 . DEB

MAHATHIR - ISLAM 2 IPOH R R R R R

DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN AGAR JANGAN TERPENGARUH DENGAN ANGAPAN PIHAK TERTENTU KONONNYA PAKAIAN ITU MENCERMINKAN KEISLAMAN SESEORANG.

+ISLAMNYA SESEORANG KERANA TAKWANYA DAN BUKAN PAKAIANNYA. KALAU KITA HENDAK BERPAKAIAN LAIN, UMPAMANYA, ITU AOALAH MASALAH KITA. JANGAN KAITKAN ISLAM DENGAN PAKAIAN SEHINGGAKAN KITA TIDAK BOLEH BERPAKAIAN MENGIKUT CORAK BANGSA KITA. +

BELIAU JUGA BERKATA RAKYAT MALAYSIA TIDAK LAGI MENGAMALKAN UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN YANG TIDAK CUCUK DENGAN ISLAM SEPERTI PUJA PANTAI, MANDI SAFAR DAN JOGET LAMBAK.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA UMNO YANG BERSIKAP SEDERHANA TERFAKSA MENGHADAPI CABARAN DARIPADA PIHAK EKSTREMIS SEKARANG, TIDAK SEPERTI PADA MASA LALU DIMANA UMAT ISLAM BERSATU PADU.

+ORANG-ORANG SEDERHANA SEPERTI KITA SENTIASA DIANCAM OLEH ORANG-ORANG EKSTREMIS. JIKA BOLEH MEREKA SUKA HANCURKAN KITA DENGAN MENGUGUT DAN MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI TUDUHAN UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN AGAR KITA TURUT MENJADI PELAMPAU 'DAN KELAK MENAKIBATKAN NEGARA HANCUR. + -- BERNAMA

2153MST 24 12 84

0043